

17/10/2000

Mesdaq lancar Venture 2001 November

BURSA Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq), akan melancarkan satu siri pertandingan rancangan perniagaan yang dikenali Venture 2001 di seluruh negara bulan depan.

Mesdaq, dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, semalam berkata, Venture 2001 bertujuan melahirkan usahawan tempatan yang berdaya maju dalam bidang teknologi maklumat (IT), Internet dan e-niaga.

Pertandingan Venture 2001 yang akan diadakan dalam tiga peringkat dan berakhir pada Mei 2001 ialah anjuran bersama Mesdaq dengan McKinsey & Company Malaysia dan Institut Pengurusan Malaysia (MIM).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi penaung Venture 2001 manakala Lembaga Penasihatnya dianggotai ketua eksekutif terpilih, usahawan Internet terkemuka dan ahli akademik.

Menurutnya, ia terbuka kepada usahawan, profesional dan pelajar yang mahu menukar idea IT, Internet dan e-niaga mereka kepada perniagaan sebenar dan penyertaan percuma.

Sebagai inisiatif baru di Malaysia, Venture 2001 dirangka membangunkan budaya keusahawanan dengan membantu bakal usahawan memula perniagaan IT, Internet dan e-niaga.

"Venture 2001 akan menjadi pemangkin persekitaran keusahawanan dengan membawa bersamanya idea, bakat dan modal baru," kata Presiden Mesdaq, Abdullah Abdul Hamid.

Venture 2001 akan memberi sokongan idea peserta yang disenarai pendek dan mereka diberi peluang mendapatkan rangkaian dengan usahawan yang berjaya serta pengurus profesional bagi mengembangkannya.

(END)